

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

21,668 kes tertinggi baharu

**318 kematian
dilapor semalam,
45 lagi kluster
jangkitan direkod**

Oleh Rafidah Mat Rozki
fidahrzkid@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 21,668 kes positif baharu, semalam dan 17,687 kes sembuh sepenuhnya daripada jangkitan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini kes aktif adalah 237,021 atau 17.66 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan setakat ini.

Dengan pertambahan kes itu, sebanyak 1,342,215 kes positif COVID-19 dikesan di negara ini sejak Januari tahun lalu, manakala

1,093,503 kes sudah sembuh sepenuhnya.

"Sebanyak 21,610 kes adalah penularan tempatan dengan 18,332 daripadanya warganegara (84.8 peratus) dan 3,278 bukan warganegara (15.2 peratus) manakala 58 kes import membabitkan 20 warganegara, 38 bukan warganegara.

"Sebanyak 318 kes kematian pada hari ini (semalam) yang membabitkan 118 kes di Selangor; 52 kes di Johor; 45 kes di Kuala Lumpur; 28 kes di Sabah; 19 kes di Kedah; masing-masing 10 kes di Pulau Pinang dan Melaka; sembilan kes di Perak; lapan kes di Pahang; tujuh kes di Negeri Sembilan; serta masing-masing empat kes di Sarawak, Kelantan, dan Terengganu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada bilangan kematian harian itu, 256 adalah warganegara dan 62 bukan warganegara, manakala sebanyak 93 kes adalah jenazah

yang dibawa ke hospital membabitkan 57 warganegara dan 36 bukan warganegara.

Selain itu, sebanyak 1,059 kes kini dirujuk di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 543 memerlukan alat bantuan pernafasan.

KKM turut merekodkan 45 kluster jangkitan baharu dengan 30 daripadanya adalah kluster tempat kerja, membabitkan 1,104 kes; 11 kluster komuniti (251 kes) dan masing-masing dua kluster komuniti (36 kes) serta pendidikan (24 kes).

Ia menjadikan 4,079 kluster di kesan setakat tengah hari semalam, dengan 2,798 kluster sudah ditamatkan dan 1,281 kluster masih aktif.

"Daripada 21,668 kes harian yang dilaporkan, hari ini (semalam), sebanyak 440 kes (2.1 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 21,228 kes (97.9 peratus) lagi terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Secara keseluruhan, hanya 2,720 kes (12.6 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini sudah lengkap divaksinasi iaitu yang lengkap dua minggu selepas dos kedua vaksinasi," katanya.

KKM mendapati seramai 12 pesakit kategori lima sudah divaksinasi, disusuli sembilan dalam kategori empat dan 19 dalam kategori tiga. Seramai 1,452 dalam kategori dua juga sudah menerima pelalihan lengkap dan seramai 1,228 dalam kategori satu.

Sementara itu, berdasarkan data terkini kelmarin, nilai kadar kebolehjangkitan (RT) Malaysia adalah sebanyak 1.06, manakala Perlis mencatatkan RT tertinggi iaitu RT 1.40, diikuti Kuala Lumpur dan Kelantan, masing-masing dengan nilai RT 1.23, serta Sabah dan Pulau Pinang (nilai RT 1.16).

Kecuali Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, negeri lain mencatatkan nilai RT melebihi 1.0.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

29.1 peratus lengkap 2 dos suntikan vaksin

Kuala Lumpur: Lebih separuh iaitu 50.1 peratus daripada populasi negara ini sudah mendapat suntikan vaksin dos pertama manakala 29.1 peratus melengkapkan dua dos suntikan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi perkongsian infografik di Twitternya semalam memaklumkan sebanyak 25,863,563 dos vaksin covid-19 sudah diberikan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) setakat kelmarin.

Menurutnya, seramai

16,347,422 individu menerima suntikan dos pertama manakala 9,516,141 individu menerima dos kedua.

“Dengan ini, sebanyak 69.8 peratus penduduk dewasa sudah menerima dos pertama vaksin covid-19 manakala 40.7 peratus terima dos kedua, setakat semalam (kelmarin).

“Sementara itu, vaksinasi harian mencatatkan sebanyak 497,352 dos diberikan kelmarin dengan 227,506 adalah pemberian dos pertama manakala 269,846 adalah dos kedua,” katanya. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur: Kes positif Covid-19 terus merekodkan jumlah tertinggi setakat ini apabila 21,668 kes baharu dan 318 kematian dicatatkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan keseluruhan 1,320,547 kes dan daripada jumlah kes dilaporkan semalam, 440 kes (2.1 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 manakala 21,228 kes (97.9 peratus) membabitkan kategori 1 dan 2.

"Ini adalah berdasarkan

21,668 kes jangkitan baharu, 318 kematian

keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan namun ada berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 2,720 kes (12.6 peratus) daripada jumlah kes dilaporkan pada hari ini (se-

malam) lengkap suntikan vaksin iaitu lengkap dua minggu selepas dos kedua vaksinasi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor terus menjadi negeri merekodkan kes tertinggi dengan 6,278 kes diikuti Kuala Lumpur dengan

2,436 kes.

Beliau berkata, kes di Kedah sebanyak 2,143 kes diikuti Sabah (2,052 kes), Johor (1,706 kes), Pulau Pinang (1,229 kes), Sarawak (1,216 kes), Kelantan (972 kes), Perak (930 kes), Negeri Sembilan (899 kes), Pahang (629 kes) dan Terengganu (594 kes).

"Selain itu, Melaka (494 kes), Putrajaya (56 kes), Perlis (23 kes) dan Labuan (11 kes).

"Sebanyak 318 kes kematian dicatatkan membabitkan 118 kes di Selangor, 52 kes di Johor, 45 kes di Kuala Lumpur, 28 kes di Sabah, 19 kes di Kedah, 10 kes di Pulau Pinang dan Melaka.

"Selain itu, sembilan kes di Perak, lapan kes di Pahang, tujuh kes di Negeri

Sembilan, empat kes di Sarawak, Kelantan dan Terengganu," katanya.

Beliau berkata, 1,059 individu memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk 543 memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, 17,687 individu dilaporkan sembuh menjadikan kes keseluruhan sembuh sebanyak 1,093,503 kes atau 81.5 peratus.

17,687 individu
dilaporkan sembuh
menjadikan kes
keseluruhan sembuh
1,093,503 kes

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Jumlah BID catat rekod tertinggi semalam dengan 93 orang

Jangkitan harian melonjak 21,668

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes harian negara terus melonjak kepada 21,668 kes termasuk 58 kes import, sekaligus tertinggi sejak pandemik dan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 mencecah 1,342,215 kes.

Sebelum ini, tiga kali kes harian melepasi angka 20,000 iaitu 20,780 kes kelmarin, 20,889 kes (6 Ogos) dan 20,596 kes (5 Ogos).

Pesakit sedang dirawat dan diasingkan juga terus meningkat dengan 237,021 kes termasuk 1,059 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 543 kes memerlukan bantuan pernafasan, manakala sebanyak 17,687 kes sembuh direkodkan.

Terdapat 318 kes kematian Covid-19 termasuk 62 warga asing selain 93 kes meninggal dunia di luar hospital (BID) iaitu tertinggi pernah direkodkan setakat ini.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 440 kes (2.1 peratus) daripada kes yang positif semalam daripada kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 21,228 kes (97.9 peratus) adalah kategori satu dan dua.

"Secara keseluruhan, hanya 2,720 kes (12.6 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan telah lengkap di vaksinasi lengkap dua minggu selepas dos kedua vaksinasi. Didapati 87,44 peratus kes yang baharu didiagnosis Covid-19 tiada atau tidak lengkap vaksinasi," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, mengikut status vaksinasi, sebanyak 192 kes adalah kategori lima dengan 180 kes atau 93.8 peratus tiada atau



DUA pekerja sebuah restoran di Seksyen 7, Shah Alam menggantung kain rentang memberitahu semua pekerja di situ telah menerima suntikan vaksin Covid-19 semalam.



tidak lengkap vaksinasi manakala, 84 kes kategori empat dengan 75 kes atau 89.3 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Sebanyak 164 kes kategori tiga dengan 145 kes atau 88.4 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, 11,059 kes kategori dua dengan 9,607 kes atau 86.9 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala 10,169 kes kategori satu dengan 8,941 kes atau 87.9 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi," ujarnya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, sebanyak 45 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 30 kluster tempat kerja, 11 kluster komuniti serta masing-masing dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan pendidikan tinggi.

Sementara itu, katanya, kadar kebolehtangkitan pada kelmarin mendapati, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.06 dengan

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
Jumlah	
Kes baharu	21,668
Import	58
Tempatan	21,610
Pulih	17,687
Kematian	318
Masih dirawat	237,021
Jumlah kes sembuh	1,093,503
Jumlah Kematian	11,691
Jumlah kes keseluruhan	1,342,215

Mengikut status vaksinasi, sebanyak 192 kes adalah kategori lima dengan 180 kes atau 93.8 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala 84 kes kategori empat dengan 75 kes atau 89.3 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi."

negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Perlis (nilai RT 1.40), diikuti oleh Kuala Lumpur dan Kelantan (masing-masing nilai RT 1.23) serta Sabah dan Pulau Pinang (nilai RT 1.16).

"Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Labuan dan Putrajaya," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes Covid-19 pecah rekod tertinggi

Kes positif Covid-19 pada Khamis catat 21,668 kes, dengan 318 kes kematian

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Bilangan kes Covid-19 sekali lagi merekodkan angka tertinggi iaitu 21,668 kes dilaporkan pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 440 kes merupakan kategori tiga, empat dan lima.

"Kes kategori satu dan dua pula ialah 21,228 kes," katanya.

Menurutnya, seramai 180 pesakit kategori lima tiada dan tidak lengkap vaksinasi berbanding hanya 12 kes membabitkan pesakit lengkap suntikan dos kedua selepas dua minggu.

"Bagi kategori satu, sebanyak 8,941 kes positif membabitkan mereka yang tiada dan tidak lengkap vaksinasi dan 1,228 kes

melibatkan individu yang lengkap dos suntikan Covid-19," katanya.

Beliau berkata, selain Selangor dan Kuala Lumpur yang kekal melaporkan kes tertinggi dengan masing-masing 6,278 dan 2,436, Kedah serta Sabah turut berada dalam kumpulan itu apabila kes harian baharu melepasi 2,000.

Tegas beliau, sebanyak 2,143 kes dikesan di Kedah, manakala 2,052 kes dilaporkan di Sabah diikuti Johor (1,706), Sarawak (1,216), Pulau Pinang (1,229), Kelantan (972), Perak (930), Negeri Sembilan (899), Pahang (629), Terengganu (594), Melaka (494), Putrajaya (56), Perlis (23) dan Labuan (11).

"Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif adalah 1,342,215," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Katanya, kes aktif di seluruh negara ialah 237,021 kes.

"Sebanyak 1,059 kes dirawat di unit rawatan rapi dan 543 kes pula perlu bantuan pernafasan,"



DR NOOR HISHAM

katanya.

Menurutnya, sebanyak 318 kes kematian dilaporkan melibatkan 256 warganegara dan 62 warga asing.

Beliau memberitahu, berdasarkan ringkasan kes kematian, terdapat 93 kematian di luar hospital (BID) sekali gus menjadikan kes BID tertinggi iaitu membabitkan 57 warganegara dan 36 warga asing. "Jumlah keseluruhan kematian ialah 11,691 kes dan 17,687 kes sembuh dilaporkan sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya 1,093,503 kes," katanya.

Selain itu, jelasnya, sebanyak 45 kluster baharu direkodkan membabitkan 30 kluster tempat kerja dan 11 kluster komuniti.


"Kumpulan berisiko tinggi dan pendidikan tinggi masing-masing merekodkan dua kluster baharu," katanya.

Katanya, jumlah keseluruhan kluster ialah 4,079 dan 2,798 telah diisytiharkan tamat, manakala 1,281 kluster aktif.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,342,215	1,093,503	1,059	11,691	21,668	25,863,563

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS



Deputy Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob watching the Taming Sari 20/21 military exercise near the Royal Malaysian Navy base in Tanjung Gelang, Kuantan, yesterday. With him is Armed Forces chief General Tan Sri Affendi Buang (left). PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

Highest number of new cases at 21,668

KUALA LUMPUR: Malaysia hit a record high of 21,668 new Covid-19 cases in a single day up to noon yesterday. It is the highest since the start of the pandemic.

This is the fourth time the figures breached the 20,000 mark this month after Aug 5 (20,596 cases), followed by 20,889 on Aug 6 and 20,780 on Wednesday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the nation's cumulative cases had reached 1,342,215.

Selangor again topped the list with 6,278 cases.

This was followed by Kuala Lumpur (2,436), Johor (1,706), Sabah (2,052), Sarawak (1,216), Kedah (2,143) and Penang (1,229).

There were 930 cases in Perak, 899 in Negri Sembilan, 494 in Melaka, 629 in Pahang, 594 in Terengganu, 11 in Labuan, 56 in Putrajaya and 23 in Perlis.

Dr Noor Hisham said of the 21,668 new infections, 58 were imported involving 20 locals and 38 foreigners.

"Of the new cases, 440 patients are in Category 3 (164), 84 in Category 4 and 192 in Category 5. 21,228 are in Categories 1 (10,169) and 2 (11,059).

"Overall, only 2,720 cases from the total reported had been fully vaccinated, with the latest receiving their second dose two weeks ago. Some 8,941 and 9,607 patients in Categories 1 and 2, respectively, were unvaccinated or not fully vaccinated.

"While in Categories 3, 4 and 5, patients who were not immunised

or fully immunised were 14,575 and 180, respectively," he said.

On fatalities, he said there were 318 deaths yesterday, 256 of whom were Malaysians, 62 foreigners and 93 were brought-in-dead (B.I.D.) cases. Those who died comprised 183 males and 135 females, and 239 had a medical condition.

The B.I.D. cases involved 57 Malaysians and 36 foreigners. The number of B.I.D. cases yesterday was almost six times higher than Wednesday's 16.

The nationwide death toll now stood at 11,691.

On the infectivity rate or R-naught (Rt), Dr Noor Hisham said Malaysia's Rt was 1.06. All states, except Labuan and Putrajaya, recorded a value of over 1.0.

On clusters, 45 new ones were identified.

Earlier on his Facebook post, Dr Noor Hisham extended his gratitude to private general practitioners, who had collectively administered more than 700,000 Covid-19 vaccine doses so far.

He said up to Aug 8, there were 1,605 private general practitioners' vaccination centres (PPVGP) actively involved in the Covid-19 National Immunisation Programme nationwide.

Dr Noor Hisham said he also visited two PPVGPs in Cyberjaya, Sepang, yesterday.

The services provided by PPVGP included pre-counselling for vaccine recipients, collecting vaccination consent, administering vaccines and monitoring recipients.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

REDUCING SEVERE COMPLICATIONS

'LET WOMEN 33 WEEKS INTO PREGNANCY GET VACCINATED'

Lifting gestation limit will reduce risk of them becoming Category 3, 4 or 5 patients, says doctor

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

HEALTH experts are calling on the government to allow pregnant women 33 weeks or more into their pregnancy to be inoculated with the Covid-19 vaccine.

Consultant obstetrician, gynaecologist and maternal medicine specialist at Prince Court Medical Centre Dr Shilpa Nambiar said removing the gestation restriction to allow pregnant mothers to receive the vaccine would reduce the risk of them becoming Category 3, 4 or 5 Covid-19 patients.

"We need to appeal to the government to remove the gestation restriction for pregnant mothers. "There is no evidence of harm and people, especially pregnant women, should get the vaccine," she told the *New Straits Times* when contacted.

Dr Shilpa said there were more reasons for expectant mothers to get the vaccine, especially if they experienced a complicated pregnancy, which would require them to see their doctors.

"There are some women who are naturally at high risk of getting severe infections with pre-existing medical conditions, such as hypertension and diabetes.



Nurshahirah Hassan, 27, who is eight months' pregnant, getting vaccinated at the Kuala Lumpur Convention Centre PPV yesterday. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

"So, I usually advise them to get the vaccine because we know that being inoculated will reduce severe complications, should they get infected."

In July, the United Kingdom's Royal College of Obstetrics and Gynaecology published guidelines that recommended vaccination against Covid-19 at any stage of pregnancy.

The Covid-19 National Immunisation Programme currently administers the vaccine to women who are between 14 and 33 weeks pregnant.

Pantai Hospital Kuala Lumpur head of obstetrics and gynaecology Dr Premitha Damodaran echoed similar views.

She said expectant mothers should have a doctor's recommendations and their acknowledgement that they understood about the vaccine.

She suggested allowing expectant mothers to walk-in to vaccination centres, which should have a separate section for them, as pregnant women were in the high-risk category.

"Like all vaccines, or any other thing that we require during pregnancy, we don't like to disturb the foetus' development during the first trimester.

"In some countries, expectant mothers are given until 36 weeks into their pregnancy to be fully vaccinated. We want mothers to receive the two doses before they deliver.

"And I will tell my patients to take the second dose within three weeks before delivery as you can do so with some vaccines, including Pfizer-BioNTech, or you can take it immediately after delivery."

Dr Premitha stressed on the importance of pregnant women being vaccinated as they would be at risk of developing serious complications should they get infected. She said if pregnant women developed severe complications due to Covid-19, the survival rate of their unborn babies would be low.

"The third trimester is serious business because the baby is growing, which results in women experiencing shortness in breath, getting tired easily and unable to sleep well until you give birth.

"Just imagine if you have lung infection and, in some cases, it can trigger early labour.

"We doctors, either in Malaysia or around the world, will always tell you that pregnant women who catch the Covid-19 virus will deteriorate faster."

She said she would often recommend patients in the third trimester of their pregnancy to get admitted for observation if they get Covid-19.

Sultanah Bahiyah Hospital consultant in reproductive medicine, obstetrics and gynaecology Dr Murizah Mohd Zain said unvaccinated pregnant women faced twice the risk of being admitted to the Intensive Care Unit and three times the risk of needing respiratory assistance should they get Covid-19.

She told *Berita Harian* that things would go south fast should they get the Delta variant or when they became Category 4 or 5 patients.

She said a decision must then be made to induce early delivery even if the baby is premature.

"This is to enable more optimal respiratory assistance and



Dr Shilpa Nambiar



Dr Premitha Damodaran



Dr Murizah Mohd Zain

medicine to save the mother's life.

"Almost two-thirds of pregnant women with Covid-19 do not have any symptom and only experience mild symptoms, such as fever and flu.

"Only some get severe infections."

Dr Premitha said post-delivery measures included getting those looking after the mother and baby to stay in the same house throughout the confinement period.

On whether women who try to conceive should postpone their plans, Dr Premitha said: "Compared with two months ago, we are now at a better place. More people are getting the vaccine, and Covid-19 is not showing any sign of going away any time soon.

"It is unfair to tell people to delay their pregnancy when Covid-19 has been around for almost two years."

Dr Shilpa said those undergoing fertility treatment should get themselves inoculated.

"There is no reason for you to delay getting the vaccine just because you are trying to conceive. The vaccine will not impact the pregnancy."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19 Current situation		Malaysia: New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	VACCINATED IN MALAYSIA	TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED	FIRST DOSE TOTAL	SECOND DOSE TOTAL						
		21,668	1,342,215	11,691(+318)	1,093,503(+17,687)	As at 11:59pm Aug 11 (Daily figures in brackets)	25,863,563 (497,352)	16,347,422 (227,506)	9,516,141 (269,846)						
Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N. Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan
+23	+2,143	+1,229	+930	+6,278	+972	+594	+629	+899	+494	+1,706	+2,052	+1,216	+2,436	+56	+11

Record BID cases reported

93 of 318 Covid-19 fatalities were dead on arrival

PUTRAJAYA: Malaysia's Covid-19 pandemic cases reached new heights once again as the country logged a record 21,668 cases in 24 hours.

The Health Ministry also reported 318 deaths, of which a staggering 93 were brought-in-dead (BID) cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that 97.9% of yesterday's new cases were mild and asymptomatic ones.

Some 2.1% or 440 cases fell into Categories 3, 4 and 5.

Dr Noor Hisham said 87.4% of the new infections comprised unvaccinated people.

About 53% of the country's cases yesterday were close contacts of patients.

Another 37% were unlinked infections, while 8% were related to clusters.

There were also 58 imported cases.

Cumulatively, Malaysia has reported 1,342,215 cases since the start of the pandemic.

Yesterday, seven states reported four-digit

figures - Selangor (6,278 cases), Kuala Lumpur (2,436), Kedah (2,143), Sabah (2,052), Johor (1,706), Penang (1,229) and Sarawak (1,216).

On Covid-19 deaths, Selangor reported the highest number with 118 deaths, followed by Johor with 52, Kuala Lumpur with 45 and Sabah 28.

Of the BID deaths, 40 were from Selangor and 37 from Kuala Lumpur. Malaysia's Covid-19 death toll is now 11,691.

Nationwide, there are now 237,021 active Covid-19 cases.

Currently, 1,059 patients are battling the virus in intensive care units nationwide. Some 543 require ventilator support.

The country also discharged 17,687 more Covid-19 patients yesterday.

To date, 1,093,503 people in Malaysia have recovered from Covid-19 (81.47% of all cases).

As at Aug 11, the country's infectivity rate is at an RT of 1.06.

Dr Noor Hisham said Perlis had the highest infectivity level at an RT of 1.40.

Only Labuan and Putrajaya had RT levels of below 1.

In terms of the Covid-19 incidence rate, Malaysia's seven-day average is 53.2 cases per 100,000 population.

Meanwhile, the Health Ministry also identified 45 new Covid-19 clusters nationwide.

These include 30 workplace-related clusters - which have 1,104 confirmed cases so far.

Another 11 clusters are community-based outbreaks, with 251 positive cases detected.

Two clusters have been categorised as high-risk groups, while two more are related to education institutions.

The ministry is currently monitoring 1,281 active clusters nationwide.



Northern states sound the alarm
See page 9

New cases by category for Aug 12

TOTAL CASES 21,668

Category 1

Asymptomatic (no symptoms)

10,169 cases - 46.9%

Category 2

Mild symptoms

11,059 cases - 51.0%

Category 3

Pneumonia (inflammation of the lungs)

164 cases - 0.8%

Category 4

Pneumonia and require oxygen

84 cases - 0.4%

Category 5

Pneumonia and need ventilator support

192 cases - 0.9%

Source: Health Ministry TheStar graphics

More than 40% of adults have received two doses of vaccine

KUALA LUMPUR: A total of 25,863,563 doses of the Covid-19 vaccine have been dispensed through the National Covid-19 Immunisation Programme as of Wednesday.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba, through an infographic on his Twitter, said 16,347,422 jobs were dispensed to first-dose recipients and 9,516,141 were second doses.

"According to percentage, 50.1% of the country's population has received the first dose, while 29.1% have completed both doses of the vaccination," he said.

This means that up to Wednesday, 69.8% of the adult population in the country has received the first dose of a vaccine, while 40.7% have completed both doses.

A total of 497,352 doses of the vaccine were administered on Wednesday itself, with 227,506 of them as first doses and 269,846 as second doses. — Bernama